

16 MAY 2003

Mahathir-AS

AS TAKUT BAYANG-BAYANG SENDIRI, KATA PM

KENINGAU, 16 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri berkata tindakan Amerika Syarikat (AS) menasihati rakyatnya tidak berkunjung ke Malaysia, khususnya ke Sabah adalah kerana "takut dengan bayang-bayang sendiri" akibat kezaliman yang mereka lakukan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebenarnya keadaan di negara ini, khususnya Sabah adalah aman dan tenteram, serta terkawal tanpa sebarang rusuhan.

"Apabila saya sampai ke sini, keadaan aman dan tenteram. Tidak ada rusuhan. Tetapi hari ini kita baca dalam akhbar bahawa di Malaysia, terutama di Sabah terdapat pengganas yang bertujuan untuk meletupkan bom supaya membunuh orang mereka (AS)," katanya ketika merasmikan Kongres Kelapan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) di Dewan Masyarakat Keningau di sini, hari ini.

Beliau berkata tindakan AS itu umpama "orang zalim yang ketakutan, seperti (bekas Presiden Iraq) Saddam Hussein yang takut kepada rakyatnya sendiri".

Rabu lepas, Washington mengeluarkan amaran kepada rakyatnya supaya berhati-hati terhadap kemungkinan serangan pengganas di beberapa buah negara termasuk Malaysia, khususnya di Sabah yang lebih terdedah kepada ancaman keganasan kumpulan Abu Sayyaf dari selatan Filipina yang didakwa mempunyai kaitan dengan al Qaeda.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional berkata: "Kita semua boleh berkumpul seperti ini di kongres PBRS tanpa rasa takut akan apa-apa gangguan. Tetapi dalam CNN, Amerika berkata bahawa Sabah adalah tempat pengganas. Justeru itu, (Washington) menasihatkan rakyat supaya jangan datang ke sini," katanya.

Perdana Menteri berkata: "Ini adalah disebabkan mereka (AS) rasa bersalah kerana mereka telah membuat bermacam-macam kesalahan seperti membunuh dan menindas orang, dan maka dengan itu mereka berasa takut bayang-bayang mereka sendiri, takut datang ke sini, takut kerana mereka tahu ramai manusia di dunia ini benci kepada mereka."

Katanya, rakyat Malaysia tidak membenci rakyat Amerika tetapi mereka masih berasa takut kerana telah melakukan kesalahan dengan mencerooboh negara lain, menindas dan menyokong Israel dan melemparkan tuduhan kononnya rakyat di negara-negara itu dan (Malaysia) juga berniat untuk membunuh mereka.

Dr Mahathir memberi jaminan bahawa rakyat Amerika di negara ini adalah selamat.

"Kita mempunyai pasukan keselamatan yang mencukupi untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara," katanya.

Dr Mahathir mengumpamakan ketakutan AS itu seperti Saddam Hussein yang tidak berani keluar dari istana dan sentiasa dilindungi pengawal peribadi kerana telah menzalimi rakyat Iraq.

Katanya, AS juga menzalimi ramai yang tidak berdosa di dunia ini dan akibat tindakan itu, mereka kini diburu kebimbangan akan menerima balasan atas kezaliman itu.

"Kita di Malaysia tidak suka melakukan kezaliman kepada rakyat. Kita membangunkan negara ini dan rakyat bebas bergerak dan inilah cara kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dipilih rakyat yang berkerja untuk rakyat," katanya.

Beliau berkata BN telah membangunkan negara ini dengan mewujudkan

peluang pekerjaan, pelajaran dan kesihatan yang bertujuan untuk membantu membela nasib rakyat.

Perdana Menteri berkata pemimpin pula tidak takut kepada rakyat dan boleh ke mana sahaja dengan selamat.

"Saya sendiri pergi ke pusat membeli belah dan berjumpa orang ramai tanpa perasaan takut kerana kita tidak menindas rakyat. Inilah BN, kita jadi pemimpin semata-mata untuk berkhidmat kepada rakyat," katanya.

-- BERNAMA

NT HK MFJ MOZ